

# Henti suntikan antibiotik ayam

» **Penternak diminta laksana proses lebih berkualiti, bersih**

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
fhatihah@bh.com.y

■ Melaka

**K**erajaan Melaka menyarankan kepada semua penternak ayam di negeri itu menghentikan suntikan antibiotik bagi tujuan tumbesaran dan ketahanan melawan penyakit pada haiwan itu.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata penternak perlu melaksanakan proses lebih berkualiti dan bersih tanpa menggunakan suntikan aditif seperti diamalkan di Denmark ketika ini.

Katanya, Denmark adalah negara yang asing dalam industri

pengeluaran ayam, namun negara itu kini boleh dicontohi dari segi rantaian pengeluaran bermula dari peliharaan, penternakan, pengurusan dan pengeluaran daging haiwan itu di seluruh dunia.

## Masih jauh ketinggalan

"Kita masih jauh ketinggalan (kualiti) dalam penternakan ayam lebih-lebih lagi apabila melihat Denmark tidak lagi menggunakan antibiotik untuk ayam mereka kekal bebas penyakit.

"Sudah tiba masa masyarakat diberi kesedaran bahawa penggunaan aditif dalam ternakan haiwan tidak lagi digalakkan lebih-lebih lagi di Melaka, kerana kita masih menggunakan antibiotik dalam haiwan ternakan ini," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Forum Pemodenan Mapan Dalam Sektor Ternakan Berasaskan Ayam anjuran Kedutaan Denmark dan Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia di sini.



Idris (tengah) bersama Larsen (dua dari kiri) dan Duta Denmark, Nicolai Ruge (dua dari kanan) ketika menghadiri majlis perasmian pembukaan Forum Pemodenan Mapan Dalam Sektor Ternakan Berasaskan Ayam di Melaka, semalam.

[FOTO RASUL AZLI SAMAD/BH]

Yang turut hadir, Menteri Makanan dan Alam Sekitar Denmark, Esben Lunden Larsen dan EXCO Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Hassan Abd Rahman.

Idris berkata, semua penternak ayam perlu berusaha mengekalkan kualiti daging setiap masa bagi kelesaan pengguna seiring

pelaksanaan kerajaan negeri yang mengamalkan sistem teknologi tinggi dari segi pengurusan pentadbiran dan hasil pengeluaran.

Sementara itu, Idris berkata, kerajaan negeri menerusi EXCO Pertanian dan Pembangunan Usahawan negeri diminta mempelajari modul prosedur dan ka-

edah pengurusan pusat penyembelihan menggunakan teknologi terkini negara itu.

"Saya sudah minta Datuk Hassan belajar daripada Danish Management on Poultry & Pick Farming Organization, bagaimana mereka melakukannya untuk diamalkan di pusat penyembelihan di Telok Gong," katanya.